



TNB perkukuh peranan masjid

Sentiment	Positive	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	364,044	Circulation	182,022
PR Value	109,213	Page	9

Page Location





PERDANA MENTERI (dua dari kiri) menyaksikan Abdul Razak (kiri) menyampaikan sumbangan zakat wakalah kepada wakil sebuah masjid di Pulau Pinang minggu lalu. - IHSAN TNB

TNB perkukuh peranan masjid

PETALING JAYA - Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyalurkan RM400,000 dalam bentuk zakat wakalah kepada 20 masjid terpilih di sekitar Pulau Pinang menerusi Program Ihya Ramadan tahun ini.

Usaha berkenaan adalah bagi memperkukuhkan peranan masjid sebagai pusat komuniti yang progresif dan inklusif.

Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid berkata, setiap masjid menerima sumbangan sebanyak RM20,000 bagi menyokong pelaksanaan aktiviti kebajikan dan pembangunan komuniti yang berterusan selain penambahbaikan fasiliti masjid.

Katanya, antara usaha penambahbaikan yang dilaksanakan termasuk pembaikan bumbung serta sistem penyaman udara dan lampu, penambahbaikan ruang solat, pembinaan tandas tambahan dan pemasangan sistem audio visual bagi kemudahan pengajian dan ceramah agama.

"Ini memastikan masjid bukan sahaja berfungsi sebagai tempat ibadah, tetapi juga sebagai pusat pembelajaran, kebajikan dan perpaduan masyarakat," katanya dalam kenyataan semalam.

Sumbangan itu disampaikan Abdul Razak kepada wakil pengurusan masjid dan disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

Ujarnya, inisiatif itu membuktikan komitmen TNB dalam memperkukuh peranan masjid sebagai pusat komuniti penting dalam pembangunan sosial dan kesejahteraan setempat terutamanya membina masa depan lebih sejahtera untuk masyarakat.